



UniMAP

KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA



Memahami Peranan Wakil Rakyat

09595
AL


MALIKE BRAHIM



KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA



KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA



Memahami Peranan Wakil Rakyat

MALIKE BRAHIM

PUSTAKA PERDANA



1010906

Penerbit Universiti Malaysia Perlis
Kangar • 2015



Cetakan Pertama 2015.

© Malike Brahim, 2015.

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Malike Brahim

KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA : Memahami Peranan Wakil Rakyat /
MALIKE BRAHIM.

Includes index

Bibliography: page 317

ISBN 978-967-0922-03-4

1. Political leadership--Malaysia 2. Malaysia--Politics and government.

I. Judul.


324.2209595

Diterbitkan oleh:
Penerbit UniMAP
Universiti Malaysia Perlis
 No. 96, Aras 1
 Taman Pertiwi Indah, Jalan Kangar - Alor Setar, Seriab
 01000 Kangar, Perlis.
 Tel: (04) 979 8131, Fax: (04) 977 5135
 e-mel: penerbitan@unimap.edu.my

Atur Huruf & Reka Letak:
CNZ Lunar Enterprise
 Lot. 9, Tingkat Atas
 Jalan Progresif 1, Taman Progresif, Repoh
 01000 Kangar, Perlis

Dicetak oleh:
KCS Printing (M) Sdn. Bhd.
 316A, Jln. Dato Kramat, 10150 Penang
 Pulau Pinang

Muka Taip: Adobe Garamond Pro
 Saiz Huruf: 11.5/14.5 pt



324.2209595

MAL

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	IX
SENARAI RAJAH	XI
SENARAI SINGKATAN	XIII
PRAKATA	XV
PENGHARGAAN	XVII
BIODATA PENULIS	XXI
PENDAHULUAN	XXIII
::1:: KEPIMPINAN	1
Pemimpin dan Kepimpinan	4
Permasalahan Kepimpinan Politik	8
Pengkelasan Peranan Wakil Rakyat	14
Kekeliruan Terhadap Peranan Wakil Rakyat	18
Isu dalam Kepimpinan Wakil Rakyat	20
Kemahiran Kepimpinan	24
Rumusan	27
::2:: KONSEP KEPIMPINAN POLITIK	29
Konsep Kepimpinan	30
Konsep Kepimpinan Politik	38
Perspektif Kepimpinan: Strategik dan Etika	42
Kewajipan Pemimpin: Deskriptif dan Preskriptif	46
Jenis-jenis Kepimpinan	49
Rumusan	54
::3:: KONSEP DEMOKRASI BERPARLIMEN	57
Konsep Demokrasi	58
Konsep Demokrasi Berparlimen	62
Konsep Perwakilan Politik	64
Hubungan Kepimpinan dan Demokrasi	69
Rumusan	74

::4:: KAJIAN KEPIMPINAN POLITIK	77
Kepimpinan Politik di Negara Sedang Membangun	78
Kepimpinan Politik di Negara Maju	90
Kepimpinan Politik di Malaysia	106
Rumusan	114
::5:: EVOLUSI DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA	117
Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948	118
Pilihan Raya dan Kemerdekaan Tanah Melayu	123
Perkembangan Pilihan Raya di Malaysia	132
Sistem Parlimen Malaysia	140
Rumusan	148
::6:: CABARAN DEMOKRASI DI MALAYSIA	151
Era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)	152
Era Tun Abdul Razak Hussien (1971-1975)	159
Era Tun Hussien Onn (1976-1980)	162
Era Tun Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)	165
Era Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2008)	172
Rumusan	181
::7:: PERANAN PARLIMENTARI DAN KONSTITUENSI	185
Peranan Umum Wakil Rakyat	186
Penilaian Peranan Parlimentari	192
Penilaian Peranan Konstituensi	199
Peranan dalam Pembangunan Infrastruktur	210
Peranan dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi	213
Rumusan	217

::8:: PERANAN DALAM PARTI POLITIK DAN KABINET	219
Peranan dalam Parti Politik	220
Penilaian Prestasi Parti Politik	227
Peranan Wakil Rakyat dalam Kabinet	236
Ketua Whip, Kelab Penyokong dan Ketua Pembangkang	239
Rumusan	244
::9:: PERANAN SEKUNDER WAKIL RAKYAT	247
Peranan dalam Jawatankuasa Persekutuan dan Negeri	249
Peranan dalam GLC dan Badan Berkanun	252
Peranan dalam Badan Bukan Kerajaan	257
Peranan dalam Kemasyarakatan	272
Pencapaian dalam Pelaksanaan Peranan Sekunder	288
Rumusan	297
::10:: KESIMPULAN	301
Penilaian Peranan Wakil Rakyat di Malaysia	303
Sumbangan Kajian Kepimpinan Wakil Rakyat	308
Rumusan	314
RUJUKAN	317
INDEKS	337

SENARAI JADUAL

4.1	Kepimpinan: Keberkesanan dan Kesan	99
5.1	Kabinet Tanah Melayu 1955	125
5.2	Kabinet Tanah Melayu 1959	132
5.3	Bilangan Kerusi Parlimen dalam PRU	134
5.4	Tarikh Pilihan Raya Umum Parlimen	135
5.5	Bilangan Kerusi Parlimen Mengikut Negeri (PRU-12)	136
5.6	Pilihan Raya Umum DUN Sabah	138
5.7	Pilihan Raya Umum DUN Sarawak	138
5.8	Penggal Parlimen di Malaysia	139
7.1	Peranan dalam Jawatankuasa Perundangan	193
7.2	Peranan Mengikut Literasi Sains Politik	194
7.3	Peranan dalam Sistem Berparlimen	195
7.4	Peranan dalam Majlis Perundangan (Chamber)	197
7.5	Bantuan dan Kerjasama Diperlukan	201
7.6	Keperluan Logistik	203
7.7	Elaun Wakil Rakyat	205
7.8	Elaun Speaker Dewan Rakyat	206
7.9	Kemudahan Diterima Speaker Dewan Rakyat	207
7.10	Jenis Elaun Wakil Rakyat Biasa	208
7.11	Kemudahan Diterima Wakil Rakyat Biasa	209
7.12	Projek Pembangunan Dibawa Wakil Rakyat	210
7.13	Kriteria dalam Pembahagian Peruntukan	212
7.14	Lain-lain Peranan dalam Pembangunan	212
7.15	Mewakili Kepentingan Tertentu dalam Masyarakat	214
7.16	Cabaran Melaksanakan Pembangunan	216
8.1	Jawatan dalam Parti Politik	220
8.2	Alasan Menyertai Parti Politik	222
8.3	Sumber Mendapatkan Maklumat Untuk Parti	224
8.4	Tanggungjawab kepada Parti	226
8.5	Penilaian Terhadap Prestasi Parti dalam PRU-12	228
8.6	Tidak Berpuas Hati Terhadap Prestasi Parti	229
8.7	Masalah dalam Parti Politik	232

8.8	Cabaran dalam Parti Politik	235
9.1	Jawatankuasa Peringkat Persekutuan dan Negeri	249
9.2	Keanggotaan dalam GLC	253
9.3	Tempoh Lantikan Dalam GLC	254
9.4	Peranan Wakil Rakyat dalam GLC	254
9.5	Peranan Wakil Rakyat dalam Badan Berkanun	256
9.6	Peranan Wakil Rakyat dalam NGO Belia	260
9.7	Peranan Wakil Rakyat dalam NGO Agama	264
9.8	Peranan Wakil Rakyat dalam Badan Beruniform	265
9.9	Peranan Wakil Rakyat dalam Badan Komuniti	266
9.10	Peranan Wakil Rakyat dalam Badan Sukan	267
9.11	Sumbangan Wakil Rakyat kepada NGO	269
9.12	Aktiviti Gotong Royong	276
9.13	Lain-lain Aktiviti Kemasyarakatan	277
9.14	Program Ziarah dan Sambutan Perayaan	278
9.15	Isu-isu Sosio-Agama	279
9.16	Isu dan Masalah Sosial	281
9.17	Masalah-masalah Setempat	283
9.18	Lain-lain Cabaran	285

SENARAI RAJAH

3.1	Kerangka Analisis Kepimpinan dan Sistem Demokrasi	71
10.1	Stakeholders kepada Wakil Rakyat	309
10.2	Peranan Primer dan Sekunder Wakil Rakyat	310

SENARAI SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AJK	Ahli Jawatankuasa
ALP	Ahli Lembaga Pengarah
APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BMA	<i>British Military Administration</i>
BN	Barisan Nasional
BNBBC	<i>Barisan Nasional Backbenches Club</i>
CPA	<i>Commonwealth Parliamentary Association</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
FPTP	<i>First-Past-The-Post</i>
GLC	<i>Government Linked Company</i>
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KM	Ketua Menteri
MAGERAN	Majlis Gerakan Negara
MB	Menteri Besar
MCA	<i>Malayan/Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan/Malaysian Indian Congress</i>
MKT	Majlis Kerja Tertinggi
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PAS	Parti Islam SeMalaysia/SeTanah Melayu
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PM	Perdana Menteri
PR	Pakatan Rakyat
PRU	Pilihan Raya Umum
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
TPM	Timbalan Perdana Menteri
UMNO	<i>United Malays National Organization</i>
YB	Yang Berhormat
YDA	Yang DiPertuan Agong
YDP	Yang Dipertua

PRAKATA

Tidak banyak kajian secara langsung tentang peranan wakil rakyat atau perwakilan (*elected representatives*) di Malaysia berbanding di Barat. Kebanyakan kajian dan karya yang telah dihasilkan tertumpu kepada aspek pilihan raya, kepimpinan, tingkah laku pengundi, pengaruh dan peranan media massa, faktor gender, manifesto dan lain-lain. Jadi, bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan para pengkaji dan sarjana terdahulu, kajian ini dijalankan untuk menilai peranan dan tanggungjawab wakil rakyat di Malaysia yang melibatkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Dengan kata lain, kajian ini sebenarnya sebagai usaha untuk memahami kepimpinan politik yakni wakil rakyat dalam menyempurnakan peranan dan tanggungjawabnya kepada rakyat dalam kawasan pilihan raya yang diwakilinya.

Walaupun pada pandangan kasar tugas sebagai wakil rakyat begitu mudah dan apa yang penting dapat memenuhi kehendak rakyat dan menyelesaikan masalah mereka. Pada hakikatnya, ia tidak semudah itu. Sebenarnya peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sangat kompleks. Sebagai pemimpin yang telah dipilih melalui pilihan raya, peranan wakil rakyat sebagai aktor politik perlu difahami dari sudut teori dan praktisnya. Jadi, kajian empirikal ini bertujuan untuk memperinci peranan wakil rakyat yang boleh dinilai dalam bentuk formal dan tidak formal sebagai pemimpin bagi rakyat dan kawasan pilihan raya (*constituency*) yang telah diwakilinya.

Oleh itu, untuk menilai dan memahami secara terperinci peranan dan tanggungjawab wakil rakyat, maka kerangka konseptual kepimpinan politik dan demokrasi berparlimen digunakan. Pemilihan kerangka konseptual ini menepati kedudukan wakil rakyat sebagai pemimpin politik dalam sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Seperti yang telah disebutkan di atas, peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sangat kompleks. Dalam masa yang sama, rakyat keliru dan tidak dapat memahami peranan aktor politik ini secara tepat. Justeru, ia juga

perlu dianalisis dan difahami berdasarkan kesan dan pengaruh doktrin percantuman kuasa (*fusion of power*) yang menjadi amalan dalam kebanyakan negara Komanwel termasuk Malaysia. Jadi, bertitik tolak daripada kerangka konseptual di atas, maka andaian awal kajian ini menegaskan bahawa doktrin politik ini mempunyai kesan dan pengaruh dalam memahami peranan dan tanggungjawab wakil rakyat sebagai pemimpin politik di Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya dapat menyempurnakan penulisan buku ini. Setelah mengharungi pelbagai cabaran dan penat lelah untuk mengkaji, meneliti, menganalisis dan mengolah segala maklumat yang diperolehi, akhirnya ia telah membuah hasil dengan terbitnya buku ini. Apa yang dibincangkan dalam buku ini merupakan hasil kajian di peringkat ijazah kedoktoran (PhD) di Universiti Utara Malaysia (UUM) bermula pada tahun 2008. Namun, terdapat beberapa pindaan terhadap kandungan tesis PhD yang telah dihasil untuk disesuaikan dengan perbincangan dalam buku ini.

Tentunya dalam usaha menghasilkan tesis PhD dan seterusnya diolah semula untuk menjadi buku ini, saya tidak bersendirian. Banyak pihak yang telah membantu dan memberi dorongan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di ruang yang terhad ini, tidak mungkin saya dapat menyatakan satu persatu nama mereka. Hanya jutaan terima kasih diucapkan di atas segala bantuan, kerjasama, kritikan dan dorongan yang diberikan selama kajian ini dijalankan. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati anda semua dan beroleh kejayaan di dunia dan akhir serta cemerlang dalam bidang masing-masing.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan (TNC HEPA, UniMAP) selaku penyelia utama tesis PhD saya dan kerjasama yang diberikan untuk menghasilkan buku ini. Beliau telah banyak memberi kebebasan kepada saya untuk berhujah ketika dalam proses menyempurnakan kajian PhD saya. Terima kasih di atas teguran, semangat dan nilai persahabatan yang dihulurkan selama ini. Tidak lupa kepada Prof. Dr. Ahmad Atory Hussain yang telah membuka jalan kepada saya untuk berjinak-jinak dengan kajian mengenai peranan wakil rakyat di Malaysia. Beliau telah sudi berkongsi idea, pandangan dan memberi beberapa saranan untuk penambahbaikan kajian tesis yang saya lakukan. Beliau terus memberi

semangat untuk saya terus melangkah dengan menghasilkan karya seperti ini untuk tatapan mereka yang berminat mengenai kajian politik di Malaysia.

Seterusnya berbanyak-banyak terima kasih kepada Dr. Mohd. Sobhi Ishak dari Pusat Pengajian Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Kolej Sastera dan Sains (CAS), UUM kerana banyak membantu saya dalam menganalisis data menggunakan perisian SPSS. Tanpa bantuan beliau diakui amat sukar untuk saya menganalisis data secara teratur dan sistematik mengikut piawian yang sebenar. Juga tidak lupa kepada Prof. Madya Datin Dr. Siti Alida John Abdullah mantan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) merangkap Penolong Naib Canselor (PNC) Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, UUM atas keprihatinan beliau selaku ketua terhadap komitmen saya untuk menyiapkan kajian PhD dan dalam masa yang sama perlu melaksanakan tanggungjawab untuk mengendalikan kursus-kursus yang diamanahkan pada setiap semester. Terima kasih atas segalanya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada para penilai tesis PhD saya iaitu Prof. Madya Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff dan Prof Madya Dr. Mohd. Fuad Mat Jali dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mereka telah banyak memberi teguran, komen dan cadangan untuk menambahbaik kualiti dan kandungan tesis tersebut hingga diterima untuk saya dianugerahkan ijazah kedoktoran tahun 2014.

Tentunya mereka yang paling dekat dengan saya yang tidak pernah jemu dan sentiasa memberikan dorongan untuk terus berusaha dalam menyiapkan tesis PhD dan buku ini iaitu isteri Musliza Mohamad serta anak-anak Adam Harith Haikal, Muhammad Ahda Rusyaidi dan Muhammad Irsyad Iman. Terima kasih di atas pengorbanan dan sikap yang sangat memahami keadaan dan tekanan yang dialami dalam menyiapkan kajian PhD dan seterusnya menghasilkan buku ini. Saya dedikasikan buku ini untuk arwah ibu bapa saya HjH Saptiah Abg Chek (Mak Pon) dan Brahim Mail (Anjang

Uban) yang sangat komited untuk melihat saya dan adik beradik berjaya dalam pelajaran dan kehidupan masing-masing. Semoga roh mereka sentiasa dicucuri rahmat oleh Allah SWT dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dalam syurga. Amin. Ucapan terima kasih juga khas untuk kakak-kakak dan abang-abang saya iaitu kakak Masni, Ayang, Zauyah; dan abang Jaam (arwah), Rauf, Ahmad dan Kamaludin; serta adik Maspah yang sentiasa mendoakan kejayaan dan kebahagiaan saya dan keluarga.

Kepada bekas pelajar dan rakan-rakan di UUM dan di luar sana yang telah sudi membantu terutama dalam proses mengumpul data primer untuk kajian PhD, jutaan terima kasih diucapkan. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik semua. Semoga sentiasa diberkati dan beroleh kejayaan dengan cemerlang dalam bidang masing-masing. Tidak lupa kepada wakil-wakil rakyat yang telah sudi menjadi responden dalam kajian saya walaupun sentiasa kesibukan, tetapi masih sempat meluangkan masa untuk menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

Akhir sekali, semoga buku ini dapat memberi manfaat kepada banyak pihak terutama yang berminat tentang sistem politik di Malaysia khususnya mengenai wakil rakyat. Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam buku ini adalah tanggungjawab saya sepenuhnya. Saya sedia menerima teguran dan komen terhadap apa yang telah dihasilkan ke arah penambahbaikan buku ini.

Selamat membaca. Jika baik, semoga ia memberi manfaat kepada kita semua. Jika sebaliknya, semua itu adalah kelemahan saya sendiri dan terima kasih kerana sudi menghayati hasil kerja saya yang tidak seperti ini.

Dr. Malike Brahim

Pusat Pengajian Kerajaan

Kolej Undang-undang, Kerajaan & Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

Kedah Darul Aman.

BIODATA PENULIS



Penulis buku berasal dari Sarawak. Menerima pendidikan rendah di SK Tui, Debak di daerah Saribas pada tahun 1978 hingga 1982. Kemudian memasuki alam sekolah menengah di SMK Saribas, Debak pada tahun 1984 hingga 1986. Pada tahun 1987 berpindah ke SMK (BM) Saratok, Saratok untuk memasuki aliran sains di tingkatan empat. Kemudian berpeluang semula memasuki tingkatan enam di sekolah yang sama pada tahun 1991-1992 sehingga memperolehi STPM.

Pernah berkhidmat sebagai guru sandaran pada tahun 1993-1994 di SMK Bandar Kuching No. 1 dan SMK Tun Abang Haji Openg, Kuching. Pada tahun 1994, mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang sains sosial di Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan hingga mendapat ijazah sarjana muda sastera kepujian dalam sains politik pada tahun 1998. Disebabkan negara dilanda kegawatan ekonomi dan kejatuhan ringgit ketika itu, penulis membuat keputusan untuk terus menyambung pengajian di peringkat sarjana di universiti yang sama hingga memperolehi ijazah sarjana sastera sains politik pada tahun 1999.

Selepas tamat pengajian di peringkat sarjana, penulis mendapat tawaran menjadi guru sandaran di SMA Majlis Islam Sarawak, Kuching. Kemudian pada Oktober 1999 mendapat tawaran sebagai pensyarah di Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia

(UUM). Pada tahun 2008, telah dinaikkan pangkat sebagai pensyarah kanan di Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, UUM. Pada tahun 2008 pula memulakan pengajian di peringkat ijazah kedoktoran di UUM secara sambilan, dan pada November 2014 telah dianugerahkan ijazah kedoktoran melalui kajian tentang peranan dan tanggungjawab wakil rakyat dalam sistem politik Malaysia.

Telah menghasilkan beberapa buah buku seperti *Mengurus Konflik* (2008), *Dasar Awam Di Malaysia: Suatu Pengenalan* (2008), *Konflik Dalam Pendemokrasian Politik Sarawak* (2011) dan *Sistem Demokrasi Berparlimen di Malaysia* (2012) yang diterbitkan melalui IBS Buku Sdn. Bhd. Selain itu, penulis telah menghasilkan beberapa bab dalam buku dan modul untuk program pendidikan jarak jauh di UUM. Penulis juga turut menghasilkan beberapa artikel dalam jurnal dan akhbar Utusan Malaysia. Banyak menjalankan kajian mengenai politik dan pentadbiran di Malaysia. Penulis boleh dihubungi melalui email: malike@uum.edu.my.

PENDAHULUAN

Terdapat empat tujuan khusus kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk: (i) Menilai perkembangan institusi wakil rakyat di Malaysia bermula dari era sebelum merdeka hingga penggal ke-12; (ii) Mengklasifikasikan peranan primer dan sekunder wakil rakyat; (iii) Menilai peranan wakil rakyat dalam sosio-ekonomi dan politik; dan (iv) Menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi wakil rakyat di Malaysia. Jadi, bagi menjawab kesemua tujuan kajian ini, data primer dan sekunder digunakan.

Pengumpulan data sekunder melibatkan penerokaan, penelitian dan penganalisan kandungan (content analysis) maklumat yang telah tersedia ada secara bertulis (dokumen). Maklumat diperolehi dari sumber-sumber seperti buku, artikel jurnal, majalah, laporan tahunan, laporan penyelidikan dan Internet. Data-data sekunder ini penting dalam memahami konsep dan teori serta pembentukan permasalahan kajian yang berkait dengan subjek yang dikaji. Sumber-sumber diperolehi dari Perpustakaan Sultanah Bahiyah (PSB), Universiti Utara Malaysia (UUM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (TSL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan perpustakaan-perpustakaan awam yang lain, maklumat atas talian (online) dan laman-laman sesawang rasmi kerajaan. Maklumat sekunder memudahkan pengkaji membuat analisis, di mana mengikut Chadwick et al. (1984: 260) kaedah ini memberi banyak masa kepada pengkaji untuk membuat analisis, interpretasi dan berfikir secara kreatif tentang apa yang perlu diujahkan dalam kajian.

Sementara itu, data primer diperolehi melalui soal selidik yang menjadi instrumen utama kajian yang diedarkan secara terus kepada wakil rakyat yang terpilih sebagai sampel melalui pos, serah tangan dan atas talian (online) melalui perkhidmatan di bawah www.surveymonkey.com. Soal selidik yang digubal dipecahkan kepada sepuluh bahagian berbeza yang meliputi aspek-aspek seperti profil

demografi; peranan dalam parti politik; ciri-ciri kepimpinan; peranan sebagai ahli politik; pengurusan peranan dan tanggungjawab; peranan dalam pembangunan; peranan dalam sosio-ekonomi; peranan dalam kemasyarakatan dan keagamaan; peranan dalam NGO; dan isu dan cabaran dalam pelaksanaan tanggungjawab. Tahap kebolehpercayaan (reliability) soal selidik diuji menggunakan model alpha bagi menguji tahap ketekalan dan keseragaman data-data yang diperolehi. Analisis menunjukkan nilai pekali alpha cronbach keseluruhan soal selidik adalah .870. Nilai ini dianggap tinggi kerana menghampiri nilai 1.0, di mana nilai ini menunjukkan data yang diperolehi sangat boleh dipercayai kerana ia tekal dan seragam mengukur gagasan dalam setiap item yang diukur.

Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (purposive sampling). Persampelan jenis ini bukan bersifat rawak kerana semua wakil rakyat berpeluang menjadi sampel kajian. Persampelan ini digunakan untuk mengkaji secara mendalam sesuatu kumpulan dalam masyarakat yang terlalu sukar didekati atau terlalu khusus (Neuman, 2006: 222; dan Northrop & Arsneault, 2008: 225). Oleh itu, kaedah persampelan ini sesuai digunakan untuk mengkaji peranan wakil rakyat di Malaysia. Persampelan jenis ini memudahkan pengkaji mengenal pasti subjek yang dikaji melalui ciri-ciri seperti kelompok, status sosial, kedudukan, gender, etnik dan lain-lain sebagai pembolehubah yang penting (Paton, 1990). Selain itu, ia lebih mudah digunakan, pantas dan kos yang rendah untuk membuat penilaian (Hair, Honey, Samouel & Page, 2007: 182).

Dari segi reka bentuk pula, kajian ini ialah kombinasi antara pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Reka bentuk kajian merupakan rangka rujuk (blueprint) tentang persampelan, pengukuran dan analisis data (Sabitha, 2005: 81), di mana ia memberi gambaran keseluruhan kajian dari peringkat awal hingga akhir (Creswell, 1998). Di samping itu, reka bentuk kajian juga adalah panduan untuk menjalankan kajian (Hair, Honey, Samouel & Page, 2007: 151). Ia menjelaskan

kaedah digunakan untuk mengumpul data, teknik pemilihan sampel, instrumen kajian dan kos yang berkaitan dengan penyelidikan. Pendekatan kualitatif melibatkan analisis kandungan (content analysis) data sekunder bagi membincangkan aspek konseptual, teoritikal dan ulasan karya serta menyokong data primer yang dianalisis. Pendekatan kuantitatif pula melibatkan analisis data primer yang diperolehi melalui soal selidik berdasarkan statistik mudah seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai yang dianalisis menggunakan SPSS. Data yang diperolehi (analisis) dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Tiga skop utama dalam kajian ini. Pertama, memberi tumpuan terhadap sejarah kewujudan badan perundangan di Malaysia. British telah mengasaskan badan perundangan di Tanah Melayu setelah Persekutuan Tanah Melayu (PTM) ditubuhkan pada 1 Februari 1948 untuk menggantikan Malayan Union. Serentak dengan itu, Majlis Undangan Persekutuan (MUP) ditubuhkan yang menjadi asas kepada sistem parlimen dan berperwakilan yang ada pada hari ini. Kedua, kajian ini hanya melibatkan penggal parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-12 sahaja. Bagi Sarawak pula, kajian melibatkan penggal DUN ke-10, di mana PRU negeri telah diadakan pada tahun 2011. Penilaian peranan wakil rakyat mengambil kira kedudukan dalam parti, kerajaan dan penglibatan dalam badan bukan kerajaan. Ketiga, mendefinisikan peranan wakil rakyat mengikut kategori tanggungjawab hakiki dan formal (primer) serta yang bersifat sukarela dan tidak formal (sekunder). Ini dapat memberi penjelasan tepat mengenai peranan wakil rakyat di Malaysia sebagai ahli politik, pemimpin, pentadbir dan pengurus.

Dalam pada itu, model kajian telah digubal bagi memperihal pembolehubah dalam kajian ini selari dengan konseptual, skop dan item yang diukur melalui soal selidik seperti telah disebutkan di atas. Model kajian bertujuan memperinci setiap pembolehubah yang diilustrasikan secara lebih tersusun untuk menilai hubungan antara pembolehubah bebas dan bersandar selari dengan skop kajian yang telah disebutkan

di atas. Pembolehkan bebas melibatkan peranan-peranan sekunder. Manakala pembolehkan bersandar seperti peranan parlimentari, konstituensi dan parti politik. Pada prinsipnya, pembolehkan bebas mempengaruhi (memberi kesan) pembolehkan bersandar (Bailey, 1992: 772; Hair, Money, Samouel, & Page, 2007: 421; dan Neuman, 2006: 161). Dalam kajian ini, pembolehkan bebas seperti politik, ekonomi, penglibatan dalam NGO, peranan dalam pentadbiran dan sebagainya yang dimainkan oleh wakil rakyat mempengaruhi peranannya dalam aspek parlimentari (parliamentary), konstituensi (constituency) dan parti politik sebagai pembolehkan bersandar.

Dalam kajian ini, wakil rakyat merupakan unit analisis. Dalam setiap kajian, penentuan unit analisis itu sangat penting. Unit analisis dalam kajian boleh ditentukan daripada pelbagai kelompok seperti masyarakat, kumpulan, organisasi, pergerakan, institusi, negara dan sebagainya (Bailey, 1992: 789; dan Neuman, 2006: 58). Unit analisis perlu disesuaikan dengan konsep dan teori yang digunakan dalam setiap kajian dan diibaratkan sebagai 'a glove fitting over a hand.' Neuman (2006: 58). Manakala, Babbie (1999: 502) menjelaskan unit analisis adalah mengenai apa dan siapa yang dikaji. Oleh itu, wakil rakyat yang telah dipilih dalam PRU 12 sebagai unit analisis dalam kajian ini. Penentuan wakil rakyat sebagai unit analisis dalam kajian ini kerana ia selari dengan tujuan dan skop kajian ini mengenai kepimpinan wakil rakyat dalam sistem politik di Malaysia. Ini memandangkan terdapat kekeliruan dan salah faham terhadap peranan sebenar aktor politik ini di Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan untuk maklum balas daripada wakil rakyat itu sendiri sebagai unit analisis dalam kajian ini yang mengambil kira kedudukan dalam badan eksekutif (ahli kabinet atau EXCO); GLC dan badan berkanun; jawatan dalam parti politik dan badan bukan kerajaan (NGO dan sukarela).

KEPIMPINAN POLITIK DI MALAYSIA

Memahami Peranan Wakil Rakyat

Peranan wakil rakyat sangat kompleks dan mencabar. Siapakah mereka? Apakah peranan wakil rakyat kepada sesebuah negara? Tanggungjawab wakil rakyat sangat besar jika dilihat melalui peranan mereka. Buku ini menjelaskan dengan lebih terperinci setiap tanggungjawab wakil rakyat, sama ada dari segi tanggungjawab parlimentari, tanggungjawab konstituensi dan tanggungjawab kepada parti politik. Buku ini juga memuatkan masalah yang dihadapi oleh negara apabila berada di bawah kepimpinan pemimpin yang berbeza. Mengimbuai kembali masalah terdahulu yang berlaku di dalam dan di luar negara, penulisan ini sesuai untuk pembacaan umum dan menjadi rujukan kepada masyarakat bagi memahami tanggungjawab seorang wakil rakyat dalam melaksanakan kepimpinan yang terbaik untuk rakyat.



PENERBIT
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
www.unimap.edu.my
e-mel: penerbitan@unimap.edu.my

ISBN 978-967-0922-03-4



9 789670 922034